

USIM ambil tiga sekolah angkat

SEREMBAN 16 Okt. - Sebanyak tiga buah sekolah menerima wafikah pelantikan selepas terpilih untuk dijadikan Sekolah Angkat di bawah kendalian Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai dekat sini baru-baru ini.

Antara sekolah yang terpilih termasuk Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Kota Putra dari Besut, Terengganu; Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Putrajaya dan Sekolah Menengah Agama Arab An-Nur dari Benut, Johor.

Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Muhamad Muda berkata, menerusi pelantikan itu, USIM kini mempunyai 15 buah Sekolah Angkat dan juga empat Sekolah Kluster di bawah program yang diwujudkan oleh Kementerian Pelajaran itu.

"Universiti ini mempunyai matlamat, visi dan misi yang penting untuk membawa pendidikan Islam ke arus perdana dan tanggungjawab itu akan dilaksanakan sebaik mungkin dan salah satu pendekatannya adalah melalui projek Sekolah Kluster dan Sekolah Angkat.

"Kami amat komited memperkembangkan hubungan strategik yang terjalin untuk melahirkan para pelajar yang berdaya saing dan bersifat wasatiah," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) USIM, Prof. Dr. Musa Ahmad; Pengarah Pusat Tamhidi USIM, Suhaili Abd. Jalil serta pengetua dan guru Sekolah Kluster dan Sekolah Angkat USIM.

Program yang dimulakan sejak 2010 itu telah membuahkkan hasil yang membanggakan menerusi penganjuran seminar, kepimpinan dan program pemantapan bahasa yang turut melibatkan semua sekolah terbabit.

Perkembangan positif itu turut mendapat respons yang baik daripada pihak pengurusan sekolah dan ibu bapa lain agar sekolah mereka turut diambil untuk disenaraikan di bawah program tersebut.